

DALAM MAHKAMAH MAJISTRET DI ALOR SETAR

DALAM NEGERI KEDAH

KES SIVIL: KA-A73KJ-175-04/2023

ANTARA

MUHAMMAD AMMAR FIRDAUS BIN MOHD

HUZZAINI [No. MyKid:150110-02-0509]

(Seorang belum dewasa menyaman melalui bapa yang sah

di sisi undang-undang dan wakil litigasi)

...PLAINTIF

DAN

LOO SENG AIK

[NO. K/P: 721027-07-5245]

...DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

A. Pengenalan

[1] Mahkamah ini telah memutuskan bahawa Plaintiff telah gagal membuktikan tuntutan ke atas Defendant, maka tuntutan Plaintiff telah ditolak dengan kos.



[2] Plaintiff dalam kes ini tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah ini dan telah memfailkan rayuan terhadap keseluruhan keputusan berkenaan isu liabiliti dan kuantum.

[3] Seramai 5 orang saksi telah memberikan keterangan dalam kes ini, iaitu:

- i. Sarjan Nur Fareeyna Binti Mohd Nassim, seorang Penolong Pegawai Penyiasat (selepas ini dirujuk sebagai “SP1”);
- ii. Mohd Huzzaini bin Hussain, iaitu Bapa Plaintiff yang merupakan wakil litigasi Plaintiff dalam kes ini (selepas ini dirujuk sebagai “SP2”);
- iii. Mazita binti Hassan, iaitu Ibu Plaintiff dalam kes ini (selepas ini akan dirujuk sebagai “SP3”);
- iv. Muhammad Ammar Firdaus bin Mohd Huzzaini, iaitu Plaintiff dalam kes ini (selepas ini akan dirujuk sebagai “SP4”); dan
- v. Loo Seng Aik, iaitu Defendan dalam kes ini (selepas ini akan dirujuk sebagai “SD1”).



B. VERSI KEMALANGAN

[4] Dalam kes ini terdapat dua versi kemalangan tentang bagaimana kemalangan ini berlaku.

[5] Versi Plaintiff sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 3 Pernyataan Tuntutan dan Laporan Polis Plaintiff, P3:

“Pada jam 15/11/2022 jam lebih kurang 6.00 petang, Plaintiff sedang berjalan kaki dari arah astaka menghala ke padang bola rumah pangsa Seberang Terus, tiba-tiba sebuah motokar No. PMD 2399 yang dipandu oleh Defendan (selepas ini dirujuk sebagai “Motokar Defendan”) yang datang dari arah kiri telah melanggar Plaintiff secara mengejut yang mengakibatkan kecederaan kepada Plaintiff.”

[6] Manakala versi Defendan pula sebagaimana dalam Perenggan 3 Pernyataan Pembelaan dan Laporan Polis Defendan, D4:

“Pada waktu kejadian, Defendan sedang memandu dari Flat Seberang Terus menghala ke Mergong. Apabila sampai di padang bola Flat Seberang Terus, ketika Defendan sedang memandu dalam lingkungan 15 km/j, secara tiba-tiba seorang budak lelaki (Plaintif) telah berlari keluar dari bahu jalan sebelah kanan, di mana terdapat kenderaan-kenderaan yang diletakkan, dan melanggar sisi kanan hadapan kereta Defendan. Sebaik sahaja Plaintiff melanggar sisi kanan hadapan kereta Defendan, Defendan terus menekan



72 brek dan menghentikan keretanya. Defendan kemudian membantu Plaintiff
73 untuk bangun.”
74

75 **C. PRINSIP UNDANG-UNDANG SIVIL: BEBAN PEMBUKTIAN**
76

77 [7] Sebelum mahkamah mempertimbangkan isu-isu yang dipertikaikan,
78 Mahkamah terlebih dahulu meneliti beban pembuktian pihak-pihak dalam
79 membuktikan tuntutan. Adalah menjadi tanggungjawab Mahkamah untuk
80 membuat penilaian di atas imbangan kebarangkalian keseluruhan
81 keterangan saksi-saksi dan keterangan dokumen samada Plaintiff telah
82 berjaya dalam membuktikan tuntutan sebelum beban pembuktian
83 berpindah kepada Defendan dalam membuktikan pembelaannya.
84

85 [8] Mahkamah merujuk **seksyen 101 Akta Keterangan 1950** di mana
86 diperuntukkan bahawa:
87

88 *“101. (1) Barang siapa berkehendakkan mahkamah memberi*
89 *penghakiman tentang apa-apa hak atau liabiliti di sisi undang-*
90 *undang dengan bergantung pada adanya fakta-fakta yang*
91 *ditegaskan olehnya, mestilah bahawa faktafakta itu ada.*

92 *(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan adanya*
93 *sesuatu fakta, maka adalah dikatakan bahawa beban bukti*
94 *terletak pada orang itu.”*
95



[9] Mahkamah juga merujuk kepada **seksyen 102 Akta Keterangan 1950** yang memperuntukan bahawa:

“Beban bukti di dalam sesuatu guaman atau prosiding terletak pada orang yang mungkin gagal sekiranya tidak ada langsung keterangan diberi oleh mana-mana pihak.”

[10] Begitu juga dengan **seksyen 103 Akta Keterangan 1950** di mana dinyatakan bahawa:

“Beban bukti mengenai sesuatu fakta tertentu terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang adanya fakta itu, melainkan jika ada diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bahawa bukti mengenai fakta itu terletak pada mana-mana orang tertentu.”

[11] Selanjutnya, prinsip undang-undang ini juga dinyatakan di dalam kes di Mahkamah Persekutuan, **Wong Thin Yit v. Mohamed Ali [1971] 1 LNS 151** sebagaimana yang berikut:

“In a negligence action the onus of proof rests wholly on the plaintiff, whether or not the defendant gives evidence. The plaintiff cannot succeed without proof of the defendant's negligence. Evidence is the foundation of proof, with which it must not be confounded. Proof is that which leads to a conclusion as to the truth or falsity of alleged



facts which are the subject of inquiry. Evidence, if accepted and believed, may result in proof, but it is not necessarily proof of itself.

[12] Pihak yang menuntut di dalam kes ini adalah Plaintiff, maka beban pembuktian adalah diletakkan diatas bahu mereka. Lanjutan daripada itu, Plaintiff juga perlu mencapai standard pembuktian iaitu di atas imbalan kebarangkalian untuk membuktikan tuntutan-tuntutan mereka.

[13] Asas bagi standard pembuktian ini telah banyak dijelaskan dan diputuskan oleh kes-kes tersohor antaranya kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, ***Inas Faiqah bt Mohd Helmi (an infant suing through her father and next friend, Mohd Helmi bin Abdul Aziz) v. Kerajaan Malaysia & Ors [2016] 2 CLJ 885*** sebagaimana berikut:

“[13] The standard of proof in civil cases is the legal standard to which a party is required to prove its case, namely on a balance of probabilities. In civil litigation, the question of the probability or improbability of an action occurring is an important consideration to be taken into account in deciding whether that particular event had actually taken place or not. In the case of Miller v. Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372, Lord Denning said the following about the standard of proof in civil cases:
The... [standard of proof]... is well settled. It must carry a reasonable degree of probability... if the evidence is such that the tribunal can say:



145 *'We think it more probable than not' the burden is discharged, but, if*
146 *the probabilities are equal, it is not."*

147
148 **D. DAPATAN MAHKAMAH**

149
150 **i. ISU LIABILITY**

151
152 [14] Dalam kes ini, seramai 5 orang saksi telah memberikan keterangan
153 bersumpah di Mahkamah terbuka. Pihak Plaintiff telah mengemukakan 4
154 orang saksi iaitu Penolong Pegawai Penyiasat (SP1), Bapa Plaintiff yang
155 merupakan wakil litigasi Plaintiff (SP2), Ibu Plaintiff (SP3) dan Plaintiff sendiri
156 (SP4). Mankala Pihak Defendan juga telah mengemukakan 1 orang saksi
157 sahaja iaitu Defendan sendiri (SD1).

158
159 [15] Mahkamah dalam menentukan versi kemalangan mana yang lebih
160 berkemungkinan perlu mengambilkira keterangan SP1, SP2, SP3, SP4 dan
161 SD1 serta mempertimbangkan kesan kemalangan serta bukti senyap yang
162 ada dalam kes ini.

163
164 [16] Daripada versi kemalangan Plaintiff dan Defendan, Mahkamah ini
165 berpandangan isu yang perlu dilihat oleh Mahkamah dalam memutuskan isu
166 liability adalah:



i. Samaada Plaintiff telah berhenti dan/atau telah mengambil langkah-langkah yang berhati-hati dan/atau memastikan jalan selamat untuk melintas jalan; ataupun

ii. Samaada Defendan telah dengan cuai memandu dalam keadaan yang berbahaya sehingga menyebabkan kemalangan kepada Plaintiff.

[17] Di dalam kes ini, SP1 telah mengklasifikasikan kes ini sebagai RTM (*Refer to Magistrate*) atas alasan terdapat dua versi berbeza dan SP1 tidak dapat memastikan versi mana yang benar. Oleh itu, Mahkamah perlu melihat keterangan saksi-saksi dan keterangan senyap yang ada secara teliti dan menyeluruh bagi membantu Mahkamah membuat dapatan mengenai versi pihak mana yang lebih berkemungkinan (*inherently probable*).

Versi manakah yang lebih berkemungkinan (*inherently probable*)

(a) Versi Plaintiff

[18] Berdasarkan keterangan IO kes, SP1 menyatakan laporan polis yang dibuat oleh SP2 iaitu bapa budak Plaintiff adalah dibuat berdasarkan maklumat yang diterima daripada isterinya, iaitu ibu Plaintiff, SP3 sahaja. SP2 tiada di tempat kejadian semasa kemalangan berlaku.

[19] SP1 juga dalam keterangannya menyatakan lorong A-A1, iaitu tempat berlakunya kemalangan hanya berukuran 3.5 meter sahaja dan ianya adalah



ukuran biasa bagi jalan satu hala. Semasa kejadian terdapat banyak kenderaan yang diletakkan di kiri dan kanan jalan yang mana sekiranya terdapat objek yang rendah di antara kenderaan-kenderaan tersebut, objek tersebut akan terhalang dari pandangan pemandu yang memandu di jalan tersebut.

[20] Keterangan SP2 tidak diambilkira oleh Mahkamah ini memandangkan SP2 tidak berada di tempat kemalangan dan tidak melihat kemalangan berlaku. SP2 hanya mengetahui kemalangan daripada SP3 sahaja dan ianya merupakan keterangan dengar cakap ("*hearsay evidence*") sahaja.

[21] Ibu Plaintiff, SP3 dalam keterangannya menyatakan semasa kejadian dia berada di balkoni belakang rumahnya di tingkat 5 Rumah Pangsa Seberang Terus dapat melihat anaknya sedang berjalan dari astaka menghala ke padang bola. SP3 sendiri semasa disoal balas menyatakan bahawa selepas terdengar bunyi dan suara anaknya, baru SP3 menumpukan perhatian ke bawah dan melihat Plaintiff terbaring di tepi kereta.

[22] Semasa disoal balas juga, SP3 mengaku bahawa SP3 nampak SD1, iaitu Defendan telah memberhentikan kereta dan melihat serta membantu Plaintiff sebelum menaiki semula kereta SD1.

[23] Plaintiff, SP4 sebelum memberikan keterangan bersumpah, Mahkamah ini telah menilai kebolehan SP4 untuk memberikan keterangan dan Mahkamah ini telah berpandangan SP4 boleh memberikan keterangan bersumpah.



218
219
220
221
222
223
224
225
226
227
228
229
230
231
232
233
234
235
236
237
238
239
240
241
242

[24] SP4 dalam keterangan bersumpahnya telah dengan sendiri mengakui bahawa dia berlari melintas jalan kerana ingin cepat pergi bermain bola Bersama kawan-kawannya. Keterangan SP4 bahawa dia tidak melihat kenderaan Defendan sebelum berlaku perlanggaran juga menyokong bahawa SP4 telah berlari tanpa melihat ke kiri dan ke kanan jalan sebelum melintas jalan.

(b) Versi Defendan

[25] Manakala menurut Defendan, SD1 bahawa pada masa hari kemalangan SD1 sedang memandu dalam lingkungan 15 km/j sahaja dan mengakui SD1 memandu perlahan di kawasan kemalangan tersebut. Versi Defendan bahawa memandu perlahan selari dengan keadaan kereta Defendan yang tidak mengalami sebarang kerosakan.

[26] Versi Defendan juga selari dengan keputusan kes yang mana IO tidak mengambil tindakan ke atas Defendan. Keterangan SD1 di dalam Mahkamah juga jelas dan menampakkan bahawa keterangan yang diberikan adalah apa yang berlaku pada hari kemalangan tersebut.

[27] Oleh itu, Mahkamah memutuskan versi Defendan mengenai kemalangan ini adalah lebih berkemungkinan (*inherently probable*).



Beban Pembuktian

[28] Walaupun Mahkamah telah memutuskan bahawa versi Defendan adalah lebih berkemungkinan (*inherently probable*), Mahkamah ini masih mempunyai tugas untuk memastikan sama ada Palintif telah berjaya membuktikan terdapat kecuaiian secara *prima facie* di pihak Defendan di dalam kemalangan ini atau tidak.

[29] Mahkamah merujuk kepada kes ***Zainuddin Buang lwn. Ismail Basar & Satu Lagi [2015] 1 LNS 938*** di mana diputuskan oleh Mahkamah Tinggi seperti berikut:

*“[a] Kegagalan Defendan mengemukakan sebarang saksi dan menutup kes Defendan dengan alasan Defendan tidak dapat dikesan telah mengakibatkan keterangan Plaintiff kekal tanpa dicabar. (Remain un rebutted). Dalam kes **Chu Kim Sing & Anor v. Abdul Razak bin Amin [1999] 4 CLJ 448; [1999] 6 MLJ 443**, Mahkamah telah memutuskan “it is now trite law that what is not challenged or disputed is deemed admitted”. Dalam **Jaafar Shaari & Siti Jama Hashim v. Tan Lip Eng & Anor [1997] 4 CLJ 509**, yang menerima pakai kes **France v. Parkinson [1954] 1 All ER 739 CA** yang memutuskan “In any event I am satisfied that there was a prima facie case of negligence against the Defendant. The Defendant was available to give evidence and he did not do so. If there is, as I think there, prima facie evidence of negligence on the part of the Defendant and he chooses to make no attempt to show that he was not negligent, I think an adverse inference must*



268 *be drawn against him". Oleh itu kes Jaafar menyatakan "In other words, the*
269 *prima facie negligence remains unrebutted... This adverse would have the*
270 *effect of thereby making Defendants wholly to blame..."*

271
272 [30] Mahkamah juga merujuk kepada kes ***Che Pah Itam v Chang Bek Lee [1998]***
273 ***4 CLJ 517*** di mana di dalam menolak rayuan pihak Plaintiff, Mahkamah telah
274 menyatakan seperti berikut:

275
276 *"In absence of the defendant's evidence is the court compelled to accept in*
277 *toto the plaintiff's version?*

278
279 *It is trite law the onus of proving negligence lies on the plaintiff. In **Wong Thin***
280 ***Yit v. Mohamed Ali [1971] 1 LNS 151 Ong CJ*** (as he then was) held:

281
282 *In a negligence action the onus of proof rests wholly on the plaintiff, whether*
283 *or not the defendant gives evidence.*

284
285 *The plaintiff cannot succeed without proof of defendant's negligence.*

286
287 *Hasim Yeop A. Sani J (as he then was) addressing the same issue in **Ng Chui***
288 ***Sia v. Maimon Ali [1982] 1 LNS 95 [1983] 1 MLJ 110*** had this to say at p. 111:

289
290 *When an accidental harm is done it is not for the doer to excuse himself by*
291 *proving that the accident was inevitable and that there was no negligence on*
292 *his part.*



293
294
295
296
297
298
299
300
301
302
303
304
305
306
307
308
309
310
311
312
313
314
315
316
317

It is for the person who suffers the harm to prove affirmatively that the accidental harm was due to the negligence of the other person.

In the present case, the learned Sessions Judge on the evidence presented before her had come to the conclusion that there was no credible evidence of negligence on the part of the defendant as alleged by the plaintiff. She further held that the grave and emergency situation was actually created by PW3 when he failed to keep a proper look out upon coming on the trunk road from Jalan Tokai.”

[31] Dalam kes semasa, pihak Plaintiff cuba membangkitkan isu kecuaiian di pihak Defendan tidak berhati-hati semasa memandu Motokar Defendan sehingga menyebabkan berlakunya kemalangan yang menyebabkan Plaintiff mengalami kecederaan.

[32] Mahkamah berpendapat, keterangan SD1 adalah konsisten dengan Laporan Polis SD1 yang telah ditandakan sebagai P4. SD1 hanya memandu lebih kurang 15km/j sahaja. SD1 juga telah membrek dan berhentikan Motorkarnya dan membantu Plaintiff setelah kejadian berlaku.

[33] Berdasarkan keterangan SD1, kemalangan berlaku di sebelah kanan dan bukannya di bahagian hadapan Motokar Defendan. Sekiranya Plaintiff melintas di hadapan Motokar Defendan sepertimana yang dibangkitkan oleh pihak Plaintiff, berkemungkinan besar Defendan masih sempat membrek dan



dapat mengelak daripada melanggar Plaintiff tambahan pula Defendan hanya memandu 15km/j sahaja.

[34] SP1, juga menyatakan berdasarkan siasatan, had laju kawasan tersebut lebih kurang 20km/j. Defendan dalam kes ini hanya memandu 15km/j sahaja yang mana ianya adalah tidak melebihi hadlaju yang dinyatakan oleh SP1.

[35] Mahkamah ini berpandangan, sekiranya Defendan memandu laju dan pelanggaran berlaku di hadapan Motokar Defendan, berkemungkinan besar Plaintiff akan mengalami kecederaan yang parah.

[36] SP4, Plaintiff juga yang mana dalam keterangannya mengakui bahawa dia berlari untuk ke padang bola. Di sini, menunjukkan Plaintiff tidak mengambil sebarang langkah berhati-hati untuk memastikan keadaan jalan adalah selamat untuk dia melintas.

[37] Oleh yang demikian, Mahkamah mendapati Defendan tidak cuai dan/atau menyumbang cuai kepada kemalangan tersebut memandangkan Defendan berada di laluan yang sah. Mahkamah ini merujuk kepada kes **Abdul Kadir Mohamad v Kamrulzaman Mohd Zin & Anor [2001] 5 CLJ 249** di mana telah diputuskan:

"[7] As the collision was on the lawful path of the plaintiff, it could be inferred that the plaintiff had taken reasonable care for his own personal safety. Therefore, there was no contributory negligence on the part of the plaintiff



343 *and the first defendant was found wholly blameworthy for the road accident.*
344 *The brut of negligence should be shouldered by the defendants.”*
345

346 [38] Oleh itu, Mahkamah mendapati pihak Plaintiff telah gagal membuktikan
347 wujud kecuaiian di pihak Defendan di dalam kemalangan ini. Ini bermakna
348 pihak Plaintiff telah gagal melepaskan beban pembuktiannya sepertimana
349 yang disyaratkan di dalam **seksyen 101 Akta Keterangan 1950**.

350
351 [39] Mahkamah merujuk kepada kes ***Tan Kim Khuan v. Kee Kiat (M) Sdn Bhd***
352 ***[1998] 1 CLJ SUPP 147*** di mana telah diputuskan:

353
354 *“It is settled law that burden of proof rests throughout the trial on the party*
355 *on whom the burden lies. Where a party on whom the burden of proof lies*
356 *has discharged it, then the evidential burden shifts to the other party (see **UN***
357 ***Pandey v. Hotel Marco Polo Pte Ltd [1978] 1LNS 223; [1980] 1 MLJ 4; Wong***
358 ***Chong Chow v. Pan-Malaysian Cement Works Bhd [1980] 1 LNS 89; [1980]***
359 ***2 MLJ 75 and Johara Bi bte Abdul Kadir Marican v. Lawrence Lam Kwok Fou***
360 ***& Anor [1980] 1 LNS 199; [1981] 1 MLJ 139***). *What shifts is the responsibility*
361 *of adducing evidence to discharge that burden (see **International Times &***
362 ***Ors v. Leong Ho Yuen [1980] 1 LNS 31; [1980] 2 MLJ 86***). *When the burden*
363 *shifts to the other party, it can be discharged by cross-examination of*
364 *witnesses of the party on whom the burden of proof lies or by calling*
365 *witnesses or by giving himself or by a combination of the different methods.”*
366



[40] Maka, Mahkamah berpendapat atas kegagalan pihak Plaintiff membuktikan kesnya terhadap Defendan, tuntutan Plaintiff wajar ditolak oleh Mahkamah.

[41] Mahkamah ini merujuk kes Mahkamah Rayuan, **Hussaina Rani Naina Mohamed v. Ahmad Nadzri Kamaruddin & Anor [1997] 3 CLJ 500** yang mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan:

“[1] The onus of proving negligence on the part of the defendant is on the plaintiff. Where he fails to discharge it either by his own evidence or by cross examination of the defendant or by admission made by the defendant, his claim fails.

[2] An appellate tribunal should be slow in interfering with a finding of fact of the trial Court. In the case, the appellant in the Court below could not even tell how the accident occurred and no police evidence was called. The respondent, on the other hand, had given evidence similar to the contents of this police report which did not at all indicate negligence on his part. This being the case, the trial Judge had not therefore acted in error.”

[42] Mahkamah juga merujuk kepada kes **Lee Hock Lai v. Yeoh wah Pein [1998] 1 LNS 364; [1999] 5 MLJ 172** di muka surat 175 di mana telah diputuskan:

“With respect, the learned sessions court judge was fundamentally wrong in her approach. The case she was dealing with – a normal road accident case – essentially concerns the tort of negligence. The proper manner of approaching the case, as with all cases of similar nature, was for the court to



392 *evaluate the whole evidence and to make a finding of mixed law and fact*
393 *(after applying the principles governing the law of negligence to the facts of*
394 *the facts – among which was whether there was a breach of a legal duty to*
395 *take care by the defendant) as to whether or not the defendant was liable in*
396 *negligence. If the court were to find that the defendant was not guilty of*
397 *negligence, then it must dismiss the plaintiff's claim. And in view of the fact*
398 *that in the present case there was no counterclaim by the defendant against*
399 *the plaintiff for negligence, that would be the end of the matter!."*

400
401 **ii. ISU KUANTUM**

402
403 [43] Walaupun Mahkamah ini telah menolak tuntutan Plaintiff, namun Mahkamah
404 ini tetap membuat keputusan mengenai kuantum sekiranya Mahkamah
405 Atasan mendapati keputusan Mahkamah ini mengenai isu liabiliti adalah
406 tidak tepat.

407
408 [44] Namun, dalam kes ini pihak Plaintiff tidak berpuas hati terhadap keseluruhan
409 daripada keputusan Mahkamah ini mengenai isu liability dan kuantum.

410
411 [45] Bagi isu kuantum ini, dokumen yang dirujuk adalah Laporan Perubatan dari
412 Bahagian Kecemasan Hospital Sultanah Bahiyah, P10 dan Laporan Perubatan
413 dari Bahagian Orthopedik Hospital Sultanah Bahiyah, P11 adalah dirujuk.

414
415 **i. *Closed fracture left medial malleolus* – RM 20,000**



[46] Bagi kecederaan ini, Mahkamah ini membenarkan award sebanyak RM 20,000 untuk ***closed fracture left medial malleolus***. Mahkamah ini berpendapat jumlah tersebut adalah munasabah dan berpatutan bagi tahap kecederaan yang dialami oleh Plaintiff. Mahkamah ini merujuk kepada kes ***Yugentrean a/l Suresh & Anor v Chin Wai Loon & Anor [2023] 1 PIR [9]*** yang mana telah membenarkan award sebanyak RM 20, 000 bagi kecederaan ***closed undisplaced fracture right medial malleolus (minimal reduction of the right ankle plantarflexion and eversioan movements)***.

ii. ***Closed fracture neck of 3rd metatarsal bone of left foot – RM 7,000***

[47] Bagi kecederaan ***Closed fracture neck of 3rd metatarsal bone of left foot***, Mahkamah ini telah mengawardkan RM 7,000 dan berpendapat jumlah tersebut adalah munasabah dan berpatutan bagi tahap kecederaan yang dialami oleh Plaintiff. Mahkamah ini merujuk kepada ***Revised Compendium of Personal Injury Awards revised 2018 yang mana telah dinyatakan bagi kecederaan ini award adalah antara RM 7,000 – RM 12,000. Mahkamah ini juga merujuk kepada kes Umar b Ardi v Surendran a/l Jaya selan (and 2 Other Suits) [2023] 1 PIR [8] di mana telah diawardkan RM 7,000 bagi kecederaan closed fracture of the right 2nd metatarsal bone.***

iii. ***Superficial abrasion wound on left shoulder, knee left and left lateral ankle -RM 2,000***



[48] Bagi kecederaan *superficial abrasion wound on left shoulder, knee left and left lateral ankle*, Mahkamah ini telah mengawardkan RM 2,000 dengan merujuk kepada kes Mohd Azlan b Ab Mutalib & Anor v Mohd Muniri b And Rashad & 2 Ors [2020] 2 PIR [48] yang mana telah mengawardkan RM 2,000 bagi kecederaan multiple wound over bilateral hands.

[49] Manakala bagi Gantirugi Khas, Mahkamah ini telah mengawardkan seperti berikut:

Gantirugi Khas (atas dasar 100% liabiliti)

Item (a) – (c): Dibenarkan

Item (d) – (f): Tidak dibenarkan (tiada bukti dikemukakan)

Tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos sebagaimana skala kos di dalam Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Kadar Faedah secara lazim dibenarkan. Faedah pada kadar 5% setahun atas ganti rugi am dari tarikh saman diserahkan dan 2.5% setahun ke atas ganti rugi khas dari tarikh kemalangan sehingga tarikh penghakiman dan 5% setahun ke atas jumlah penghakiman daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh.

E. KESIMPULAN

[50] Maka, setelah meneliti semua faktor di atas dan setelah Mahkamah mempertimbangkan fakta-fakta, keterangan saksi-saksi, keterangan senyap yang dikemukakan di Mahkamah, ekshibit-ekshibit serta hujahan-hujahan yang difailkan oleh pihak-pihak dan setelah menimbang kes ini secara



keseluruhannya, Mahkamah memutuskan bahawa pihak Plaintiff telah gagal membuktikan tuntutan di atas imbalan kebarangkalian. Maka, Mahkamah menolak tuntutan pihak Plaintiff ke atas Defendan dengan kos.

Disediakan oleh:



(SITI NOR HASLIZA BINTI MD ALI)

Majistret

Mahkamah Majistret Alor Setar

Kedah

Pihak-pihak:

Bagi pihak Plaintiff : Tetuan Sukhdave Singh & Associates

Bagi pihak Defendan : Tetuan Khairudin & Co

